

23 JUL 2002

Seminar-Mahathir

DR MAHATHIR PERSIAPKAN NEGARA HADAPI CABARAN AKAN DATANG

KOTA KINABALU, 23 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mempersiapkan negara secukupnya bagi membolehkan Malaysia berkembang pesat sama ada dalam bidang pembangunan mahupun kemajuan bangsa dan agama.

Apa yang dilakukan Perdana Menteri mempersiapkan negara untuk menghadapi cabaran akan datang, kata Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan Datuk Dr Ismail Ibrahim, seorang dari pembentang kertas kerja pada Seminar "Pemikiran Mahathir" di sini hari ini.

"Generasi muda sekarang ini seharusnya mengkaji apa yang telah diletakkan asas oleh Dr Mahathir dan melaksanakannya dalam semua agenda kehidupan mereka sama ada sebagai individu atau sebagai anggota masyarakat," katanya kepada pemberita ketika mengulas lanjut kertas kerja yang dibentangkannya.

Seminar itu dirasmikan Menteri Kewangan Sabah Datuk Musa Aman.

Sambil memberi contoh pandangan jauh Dr Mahathir, beliau berkata dunia Islam agak tersentak selepas Peristiwa 11 Sept dan selepas itu barulah negara-negara berkenaan mempertahankan diri, memperbetulkan imej dan sebagainya.

"Tetapi perkara ini kita sebenarnya telah buat lebih awal. Dari mula lagi Dr Mahathir telah menyatakan pendirian bahawa masyarakat Islam tidak harus lahir sebagai masyarakat yang radikal, ganas, memusuhi orang bukan Islam, mundur dan sebagainya," kata beliau.

Dr Ismail bagaimanapun berkata walaupun asas yang kukuh telah ada, tidak bermakna rakyat kini boleh berdiam diri.

"Kita berkewajipan mencipta dan mewujudkan sesuatu kerana zaman kita sentiasa berubah. Seperti Dr Mahathir yang pemikirannya sering mendahului zaman...apa yang orang lain belum nampak beliau sudah pun melihatnya," katanya.

Seorang lagi anggota panel, Dr Ding Choo Ming, pensyarah Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat Universiti Kebangsaan Malaysia menyifatkan Dr Mahathir sebagai arkitek ulung kerana berjaya merobah bentuk Malaysia sepanjang menjadi Perdana Menteri selama 21 tahun.

"Beliau telah mengubah pandangan rakyat Malaysia terhadap diri masing-masing dan juga pandangan negara asing terhadap Malaysia," katanya dalam kertas kerjanya.

Dr Ding menyentuh secara khusus kesungguhan Perdana Menteri membangunkan prasarana teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang bukan sahaja membuka peluang perniagaan baru tetapi bakal menjadi penggerak kepada Malaysia menjadi negara bermaklumat.

Turut menyampaikan ceramah pada seminar itu ialah Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif KUB Malaysia Bhd, Datuk Hasan Harun.

Sementara itu Datuk Musa Aman dalam ucapan perasmian menyifatkan Dr Mahathir seorang pemimpin yang menarik.

"Kejayaan beliau mencetuskan idea pembaharuan dan merealisasikannya adalah sesuatu yang membanggakan," katanya.

-- BERNAMA

JS RON